



TARIKH	JUMAAT, 15 NOVEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM PERLU PENUHI 2 KRITERIA UTAMA
M/S	6
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Penjawat awam perlu penuhi 2 kriteria utama

Kuala Lumpur: Penjawat awam perlu memenuhi dua kriteria utama sejajar peranan sebagai pemacu ke arah menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Dua aspek utama itu ialah keberkesanan penyampaian institusi serta tadbir urus dan integriti.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menjelaskan kelemahan penyampaian akan membuka ruang persepsi negatif dalam kalangan rakyat hingga mencetuskan kritikan terhadap kerajaan.

“Penjawat awam berperanan secara signifikan dalam menterjemahkan wawasan ini kepada realiti yang menjamin kemakmuran untuk semua.

“Berdasarkan prestasi penjawat awam dalam menjayakan dasar negara, saya yakin mereka secara kolektif akan menggalas cabaran baharu dan merealisasikan aspirasi rakyat yang mahukan sebuah negara maju, makmur, bermaruah serta dihormati masyarakat dunia,” katanya.

Bellau berkata demikian ketika berucap pada Sesi Forum Menteri

Penjawat awam berperanan secara signifikan dalam menterjemahkan wawasan ini kepada realiti yang menjamin kemakmuran untuk semua.

*Mohamed Azmin Ali,
Menteri Hal Ehwal Ekonomi*

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) 2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman dan Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien.

Mohamed Azmin berkata, WKB 2030 bukan sekadar wacana atau strategi, sebaliknya perancangan yang perlu diterjemahkan kepada tindakan dan penyampaian berkesan ke-

pada rakyat.

“Untuk mencapai maksud ini, setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian perlu menjayakan program dan inisiatif, menjurus bagi menjayakan objektif WKB 2030.

“Setiap kementerian perlu bersedia mendakap teknologi baharu kerana penggunaan teknologi akan meningkatkan keberkesanan dalam penyampaian dan dapat melonjakkan produktiviti serta hasil untuk negara,” katanya.



BERITA

DISEDIAKAN OLEH	1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	--